

Publication	Berita Harian	Section /Page No.	Isu / Pg. 23
Date	Wed, 5th Apr 2017	Lead Article	No
Headline	Wujud Data Pembabitan Wanita Dalam Ekonomi		

Wujud data pembabitan wanita dalam ekonomi

[FOTO AIZUDDIN SAAD/BH]



Shahrizat berucap pada Makmal Hala Tuju Transformasi Ekonomi Bumiputera Kedua (BETR 2.0), di Pusat Konvensyen Antrabangsa Putrajaya (PICC), Putrajaya, semalam.

Putrajaya: Pangkalan data menyeluruh berkaitan pembabitan wanita dalam ekonomi di negara ini perlu diwujudkan bagi membolehkan golongan itu terus diperkasa, sekali gus dapat menyumbang untuk memacu pembangunan ekonomi negara.

Penasihat Pembangunan Keusahawanan dan Ikhtisas Wanita di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Shahrizat Abdul Jalil, berkata dengan adanya pangkalan data itu, kerajaan boleh mengetahui sejauh mana pembabitan wanita dalam ekonomi.

"Mungkin data itu ada, tapi tidak dikumpul secara menyeluruh, kalau ada, kita boleh tahu peratusan sumbangan wanita, dalam bidang apa dan bidang mana yang mungkin pihak Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) boleh beri bantuan serta perhatian yang lebih.

"Kita boleh juga tahu ke arah mana kita mahu memperkasa pe-

ranan wanita dan menggilap potensi yang ada. Jadi, sudah tiba masanya untuk kerajaan mengadakan satu agenda spesifik bagi pembangunan wanita dalam bidang ekonomi," katanya.

Makmal tujuh hari

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas kunjungan ke Makmal Hala Tuju Transformasi Ekonomi Bumiputera Kedua (BETR 2.0), di sini semalam.

Makmal tujuh hari bermula kelmarin itu membabitkan kementerian, agensi, syarikat milik kerajaan (GLC), pertubuhan bukan kerajaan dan sektor swasta.

Perbincangannya tertumpu kepada enam makmal merangkumi dasar berkaitan pendidikan, pekerjaan, industri kecil dan sederhana, pendapatan, pemilikan ekuiti korporat dan pemilikan kekayaan serta aset bukan kewangan.

Selain itu, Shahrizat berkata, bagi memastikan potensi yang ada

pada wanita tidak disia-siakan apabila sudah berkeluarga, kerajaan dicadangkan untuk mewujudkan satu ekosistem yang mesra keluarga.

"Hari ini semakin ramai wanita yang bekerjaya, namun ramai juga yang terpaksa mengambil keputusan berhenti kerja apabila berhadapan dengan isu penjagaan anak, cuti bersalin yang singkat, masalah pembantu rumah, isu anak di pusat jagaan selain perlu menjaga orang tua.

"Kita lihat ada sesetengah negara yang memasukkan beberapa perundangan, mengubah dasar dan peraturan untuk tentukan bahawa ekosistem kerja mestilah mesra keluarga.

"Jadi, usaha untuk mewujudkan ekosistem seperti ini perlu dilakukan, kalau tidak, lebih ramai wanita yang meninggalkan kerjaya mereka, sekali gus potensi untuk beri sumbangan bermakna kepada pembangunan negara tidak dapat dimanfaatkan," katanya.